

Ref: K.P.8543/Vol.II(58)

Kementerian Pelajaran,
Rumah Persekutuan, Kuala Lumpur

7hb. Januari, 197

Semua Pengarah Pelajaran,
Semenanjung Malaysia,
Sabah dan Sarawak

Tuan,

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1976

Potongan Rambut Murid-murid

Adalah saya merujuk kepada surat Pekeliling Kementerian Pelajaran Bil. K.P. 8543/(73) bertarikh 10 hb Mac, 1972, mengenai perkara yang tersebut di atas dan memaklumkan bahawa untuk memelihara disiplin dalam sekolah, tuan adalah dikehendaki sekali lagi mengingatkan semua murid sekolah, guru dan kakitangan lain yang masih berambut panjang bahawa cara-cara menyimpan rambut seperti berikut mestilah dipatuhi:

Rambut Murid-murid Lelaki

2. Tiap-tiap murid lelaki mesti jangan berambut panjang. Istimewa rambut panjang adalah seperti berikut:

- (a) Di belakang: Rambut jatuh melebihi garisan di bawah cuping dua telinga.
- (b) Di depan: Rambut menutup garisan tengah dahi.
- (c) Di sebelah: Rambut menutup kedua-dua telinga atau sebahagian daripadanya dan "sideburn" melebihi garisan tengah hidung.
- (d) Di atas: Rambut lebih daripada 6" panjang.

Untuk penerangan yang lebih lanjut lagi, di sini adalah dilampirkan satu gambarajah dengan gaya menyimpan rambut untuk murid-murid lelaki.

3. Murid-murid lelaki, Guru-Guru dan kakitangan lain yang beragama Sikh boleh berambut panjang jika mereka memakai serban tetapi yang tidak berserban, peraturan adalah seperti yang dikuatkuasakan.

Misai dan Janggut

4. Murid-murid lelaki sekolah tidak dibenarkan memakai misai atau janggut atau kedua-duanya. Istimewa misai tidak termasuk bulu roma tebal yang mula tumbuh di bibir atas murid-murid lelaki yang beransur baligh dan mereka ini tidaklah patut dipaksa bercukur.

Rambut Murid-murid Perempuan

5. Bagi murid-murid perempuan rambut hendaklah jangan sehingga jatuh ke bahu tetapi jika ada murid-murid perempuan yang berambut panjang dan enggan memotong pendek, mereka boleh dinasihatkan mengikat rambut masing-masing supaya tidak jatuh ke bahu. Ikatan rambut sebagai tocang (plait) atau "ponytail" boleh dibenarkan.

Guru-guru dan Kakitangan Lain

6. Adalah menjadi tanggungjawab semua guru memberi teladan budi pekerti dan perangai yang baik kepada murid-murid mereka dan oleh kerana itu adalah diharap semua Guru akan memberi pengaruh yang baik dan menjadi contoh dalam perkara ini.

7. Dengan ini maka Surat Pekeliling Kementerian Pelajaran Bil. K.P. 8543/(73) bertarikh 10 hb. Mac, 1972 adalah dimansuhkan.

8. Guru-Guru Besar di semua sekolah bantuan penuh dan swasta hendaklah diarahkan untuk mengambil tindakan tegas dan menentukan bahawa segala kandungan-kandungan dalam pekeliling ini dipatuhi sepenuhnya.

Saya yang menurut perintah,

tandatangan (Kum Boo)

Bahagian Sekolah-Sekolah,

b.p, Ketua Setiausaha,

Kementerian Pelajaran

s.k

SUS kepada Y.B. Menteri Pelajaran

SUS kepada Y.B. Timbalan Menteri Pelajaran Ketua Setiausaha

Ketua Pengarah Pelajaran

Timbalan Ketua Setiausaha

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran

Ketua Bahagian, Kememerialan Pelajaran

Pengarah Latihan Guru - 20 salinan

Setiausaha Politik kepada Y.B. Menteri

Pegawai Khas (I), (II), (III) kepada Y.B. Menteri

Pegawai Perhubungan Awam.

Ref: K.P. (BS) 8543/Vol. II/(58)

Surat Pekeliling Ikhtisas No. 2/1976

K P(BS) 8591/ Jld.II/(2)

Bahagian Sekolah-Sekolah,
Kementerian Pelajaran Malaysia,
Tingkat 12-14, Bangunan Bank Pertanian,
Kuala Lumpur

Telefon: 922066

Kawat: PELAJARAN

9hb. Mac, 1983

Semua Pengarah Pelajaran,
Semenanjung Malaysia,
Sabah dan Sarawak

Tuan,

Surat Pekeliling Ikhtisas 3/1983 Pakaian Seragam Murid-murid Sekolah

Tujuan surat pekeliling ini ialah untuk mengemaskinikan lagi semua arahan yang berhubung dengan pakaian seragam murid-murid sekolah.

2. Peraturan pakaian seragam murid-murid sekolah adalah seperti berikut:

2.1 Sekolah Rendah

2.1.1 Pakaian Murid-murid Lelaki

Seluar

i. Seluar bagi murid-murid lelaki ialah seluar pendek berwarna biru tua (navy blue). Seluar panjang yang sarna warnanya boleh dipakai sekiranya dikehendaki oleh ibu bapa/penjaga mereka.

ii. Sekiranya bertali pinggang, tali pinggang itu adalah dari jenis yang kepalanya tidak besar atau berhias.

Baju

Baju adalah berwarna putih dan berlengan pendek.

2.1.2 Pakaian Murid-murid Perempuan

Pakaian murid-murid perempuan adalah 'pinafore tunic' berwarna biru tua (navy blue) dan labuhnya hendaklah sampai ke lutut.

Baju Kurung dan Kain Sarung

Murid-murid perempuan boleh juga memakai baju kurung sekiranya dikehendaki oleh ibu bapa / penjaga mereka dengan syarat baju kurung itu berwarna putih dan kain sarung berwarna biru tua.

Tudung / Mini Telekung

Murid-murid perempuan juga dibenarkan memakai tudung / mini telekung, dengan syarat tudung itu berbentuk tiga segi 2 sama dan tudung / mini telekung berwarna putih, berukuran sesuai dengan murid-murid yang memakainya.

2.2 Sekolah Menengah

2.2.1 Pakaian Murid-murid Lelaki

Seluar

(i) Seluar bagi murid-murid lelaki Sekolah Menengah (Tingkatan. Peralihan hingga ke Tingkatan Enam) adalah seluar pendek atau seluar panjang sekiranya dikehendaki oleh mereka atau ibu bapa / penjaga mereka. Warna bagi seluar pendek atau panjang ini adalah hijau kehitam-hitaman (dark olive).

(ii) Sekiranya bertali pinggang, tali pinggang itu adalah dari jenis yang kepalanya tidak besar atau berhias.

Baju

Baju adalah berwarna putih dan berlengan pendek atau panjang. Sekiranya memakai baju berlengan panjang, lengan baju di pergelangan tangan hendaklah dikancing atau diJipat ke atas sedikit dan paras siku.

2.2.2 Pakaian Murid-murid Perempuan

'Pinafore Tunic'

'Pinafore Tunic' adalah berwarna 'torquoise' dan labuhnya hendaklah sampai ke paras lutut.

'Blouse'

Blouse adalah berwarna putih dan berlengan.

Murid-murid Perempuan Tingkatan VI

Pakaian bagi murid-murid perempuan Tingkatan VI adalah (skirt) berwarna 'torquoise' dan 'blouse' berlengan berwarna putih. Labuh skirt hendaklah sampai ke paras lutut.

Baju Kurung dan Kain Sarung

Murid-murid perempuan Sekolah Menengah juga dibenarkan memakai baju kurung berwarna putih dan kain sarung berwarna 'torquoise'.

Tudung / Mini Telekung

Murid-murid perempuan juga dibenarkan memakai tudung / mini telekung, dengan syarat tudung itu berbentuk tiga segi 2 sama dan tudung / mini telekung berwarna putih, berukuran sesuai dengan murid-murid yang memakainya.

2.3 Pakaian Ketika Bersenam dan Bersukan (Sekolah Rendah dan Menengah)

Ketika bermain dan bersukan atau menjalani aktiviti pendidikan jasmani, murid-murid perempuan, terutamanya di Sekolah-Sekolah Menengah, adalah digalakkan tanpa paksaan memakai seluar panjang yang sesuai dan baju berlengan jika dikehendaki oleh mereka atau ibu bapa / penjaga mereka. Dalam hal ini, sekolah-sekolah bolehlah menetapkan sendiri warna yang sesuai bagi seluar panjang dan baju berlengan.

2.4 Pakaian dalam Pasukan Beruniform (Sekolah Rendah dan Menengah)

Murid-murid lelaki atau perempuan yang menyertai kegiatan pasukan yang beruniform di sekolah-sekolah seperti pasukan 'Brownies', Anak Serigala, Pandu Puteri, Pengakap, Ranger, Bulan Sabit Merah dan sebagainya adalah digalakkan tanpa paksaan memakai seluar panjang jika dikehendaki oleh mereka atau ibu bapa / penjaga mereka.

2.5 Pakaian Murid-murid Islam Pada Hari Jumaat (Sekolah Rendah dan Menengah)

Murid-murid lelaki Islam adalah digalakkan tanpa paksaan memakai pakaian Kebangsaan pada hari Jumaat. Murid-murid perempuan Islam adalah digalakkan tanpa paksaan memakai baju kurung dan berkain sarung serta memakai tudung / mini telekung sepertimana yang dinyatakan dalam para 2.1.2 dan 2.2.2.

2.6 Kasut

Kasut bagi murid-murid Sekolah Rendah dan Menengah adalah kasut 'canvas' berwarna putih. Sekiranya memakai setokin, setokin hendaklah berwarna putih.

2.7 Pakaian-pakaian Seragam Khas (Identiti Khas)

Pakaian seragam yang melambangkan identiti khas bagi murid-murid di sesebuah sekolah, seperti lencana, tali leher dan pakaian-pakaian yang telah menjadi tradisi sesebuah sekolah, bolehlah diteruskan. Sekolah-sekolah yang ingin mengadakan pakaian seragam khas bagi golongan murid-murid yang tertentu dalam masa persekolahan hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Pengarah Pelajaran Negeri masing-masing.

3. Panduan bagi bentuk seluar, pinafore tunic, baju kurung dan kain sarung adalah seperti dalam gambar-gambar rajah yang disertai kan bersama (Lampiran I - II).
4. Dengan surat pekeliling ini, maka semua surat pekeliling yang berkaitan dengan pakaian seragam bagi murid-murid Sekolah Rendah dan Menengah yang dikeluarkan sebelum ini adalah dibatalkan.
5. Harap maklumkan kandungan surat pekeliling ini kepada semua sekolah di negeri tuan.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

tandatangan

(DATO' HAJI IDRIS BIN HAJI TAIN)

Bahagian Sekolah-sekolah,

b.p. Kelua Setiausaha, Kementerian Pelajaran.

s.k.

1. Setiausaha Sulit kepada Y B. Menleri Pelajaran Malaysia
2. Setiausaha Sulit kepada Y.B. Dato' Khalil bin Yaakob, Timbalan Menteri Pelajaran
3. Setiausaha Sulit kepada Y.B. Dr. Tan Tiong Hong Timbalan Menteri Pelajaran
4. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
5. Ketua Pengarah Pelajaran Kementerian Pelajaran
6. Timbalan Ketua Setiausaha I Kementerian Pelajaran
7. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran I Kementerian Pelajaran
8. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran II Kementerian Pelajaran
9. Timbalan Ketua Setiausaha II Kementerian Pelajaran
10. Ketua-ketua Bahagian Kementerian Pelajaran
11. Ketua Jemaah Nazir Kementerian Pelajaran
12. Pegawai Khas I kepada Y.B. Menleri Pelajaran
13. Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Pelajaran



Bahagian Sekolah-Sekolah
Kementerian Pelajaran Malaysia
Tingkat 12-14 Bangunan Bank Pertanian
Lebuh Pasar Besar
Kuala Lumpur

Telefon: 2922066

22 November, 1985

Semua Pengarah Pelajaran Negeri,
Malaysia

Y.B. Datuk/Tuan,

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1985

Pakaian Seragam Murid-murid Sekolah (Pindaan)

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pindaan ke atas peruntukan perkara 2.6. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1983. rujukan KP(BS)8591/Jil.II/(2) bertarikh 9 Mac 1983, mengenai peraturan pakaian seragam murid-murid sekolah (kasut).

2). Peruntukan perkara 2.6 (kasut). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1983 dengan ini dipinda menjadi sebagaimana berikut:-

2.6 Kasut

Kasut bagi murid-murid sekolah rendah dan menengah adalah kasut berwarna putih yang diperbuat daripada 'canvas' atau dari bahan sintetik lainnya seperti nylon dan polyester yang mempunyai daya resap dan penyaluran gerak udara. Sekiranya memakai stoking, stoking hendaklah berwarna putih.

Harap maklumkan kandungan Surat Pekeliling ini kepada semua sekolah di negeri Y.B.Datuk/Tuan.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah.

(HAJI JUMAAT BIN DATO' HAJI MOHO NOOR)

Pengarah Sekolah-sekolah,

b.p. Ketua Setiausaha.Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.

1. Setiausaha Sulit kepada Y.B. Menteri Pelajaran Malaysia

2. Setiausaha Sulit kepada Y.B. Timbalan-timbalan Menteri Pelajaran Malaysia

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Tel: 03-2556900

Fax: 03-2543107

Kawat: "PELAJARAN"

BLOK J, PARAS 7,

PUSAT BANDAR DAMANSARA,

50604 KUALA LUMPUR.

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: KP(BS)859liJld.VII(85)

Tarikh : 14 Mac 1992

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Malaysia



SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 3/1992:

Pemakaian Tudung / Mini Telekung Bagi

Pelajar-Pelajar Perempuan

Surat Pekeliling Ikhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan untuk menegaskan dasar dan peraturan Kementerian Pendidikan MELARANG mana-mana pihak mengenakan sebarang paksaan atau tekanan ke atas pelajar-pelajar perempuan supaya memakai tudung atau mini telekung di sekolah.

2. Unsur tekanan atau paksaan adalah dilarang sama sekali walaupun pemakaian tudung dan mini telekung dibenarkan di bawah peraturan Pakaian Seragam Murid-Murid Sekolah. Rujuk Surat Pekeliling Ikhlas Bil. 3/1983.

3. Sila pastikan bahawa sebarang tindakan atau keputusan yang dibuat di sekolah tidak menyalahi mana-mana peraturan atau dasar Kementerian Pendidikan.

DATO' ASIAH BT ABU SAMAH

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

s.k.

1. YB. Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB. Dr. Leo Michael Toyad Timbalan Menteri Pendidikan
3. YB. Dr. Fong Chan Onn Timbalan Menteri Pendidikan
4. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
5. Timbalan Ketua Setiausaha I Kementerian Pendidikan
6. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I Kementerian Pendidikan
7. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II Kementerian Pendidikan
8. Timbalan Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan
9. Semua Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan
10. Ketua Jemaah Nazir Sekolah Kementerian Pendidikan
11. Ketua Perhubungan Awam Kementerian Pendidikan

**BAHAGIAN SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
PARAS 5, BLOK J (SELATAN),
PUSAT BANDAR DAMANSARA,
50604 KUALA LUMPUR.**

Tel: 03-2556900
Fax: 03-2562389
Kawat :

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: KP(BS)8591/Jld.VIII/(18)
Tarikh : 3 Jun 1993.

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Tuan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 6/1993
Pakaian Seragam Sekolah

Telah sampai ke pengetahuan Kementerian Pendidikan bahawa terdapat pelbagai aduan mengenai pihak sekolah mengenakan paksaan dan tekanan kepada murid-murid supaya memakai pakaian seragam sekolah selain daripada apa yang telah ditetapkan di dalam surat-surat Pekeliling Ikhtisas berkaitan dengan pakaian seragam sekolah. Surat-surat pekeling berkenaan ialah:

- i. Surat Pekeliling Ikhtisas 3/1983:

Pakaian Seragam Murid-Murid Sekolah.

- ii. Surat Pekeliling Ikhtisas 8il. 8/1985:

Pakaian Seragam Murid-Murid Sekolah (Pindaan)

- iii. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1992:

Pemakaian Tudung/Mini Telekung Bagi Pelajar-Pelajar Perempuan.

2. Surat Pekeliling Ikhtisas'ini dikeluarkan dengan tujuan untuk menegaskan bahawa pihak sekolah tidak dibenarkan sama sekali menyimpang daripada peraturan yang telah ditetapkan mengenai pakaian seragam sekolah ataupun menggunakan peraturan sendiri. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1992 bertarikh 14 Mac 1992, jelas menegaskan tidak ada unsur-unsur paksaan atau tekanan di dalam pemakaian pakaian seragam sekolah, terutama sekali di dalam pemakaian tudung atau mini telekung oleh pelajar-pelajar perempuan.

K.P. 8548/8(75)

Kementerian Pendidikan Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.
01 - 34.
5hb. September, 1975.

Pengarah Pelajaran Negeri,

Semua Negeri Semenanjung Malaysia,

Sabah / Sarawak.

Tuan

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6A/1975

Disiplin - Murid-murid Menghisap Rokok

Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian ini telah mendapati perkara menghisap rokok telah berlaku di kalangan murid-murid di beberapa buah sekolah di negara ini. Walaupun perkara seperti ini tidak berlaku di tiap-tiap buah sekolah namun begitu Kementerian memandang berat akan keadaan yang tidak sihat ini. Semua Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri/Guru-Guru Besar hendaklah mengambil langkah-langkah seperti berikut untuk menghapuskan gejala yang buruk ini dari sekolah-sekolah.

2. Langkah-langkah

(i) Guru-Guru Besar hendaklah memberitahu kepada murid-murid pada masa perhimpunan diadakan di sekolah bahawa penghisapan rokok adalah dilarang untuk murid-murid sekolah kerana sebab-sebab kesihatan. Tambahan pula, adalah didapati bahawa penghisapan dadah bermula dengan penghisapan rokok dan oleh itu perkara ini tidak boleh ditinggalkan. Sekolah dalam peranannya sebagai ibu bapa kedua (in loco parentis) mempunyai tanggungjawab untuk melindungi murid-murid dari aktiviti yang akan merosakkan individu-individu dan membahayakan institusi itu. Semua murid-murid mestilah diberi amaran bahawa tindakan disiplin akan diambil terhadap mereka jika peraturan ini tidak dipatuhi.

(ii) Guru-Guru Besar adalah dinasihatkan supaya mengumumkan bahawa tempoh pengampunan (period of grace) selama seminggu akan diberi kepada murid-murid untuk membuat pengakuan jika mereka telah merokok, dengan jaminan bahawa tindakan disiplin tidak akan diambil terhadap mereka itu. Selepas tempoh pengampunan selama seminggu itu, sesiapa murid yang didapati merokok akan menghadapi tindakan disiplin.

(iii) Guru-Guru penolong sekolah hendaklah diminta memperhatikan murid-murid yang merokok.

(iv) Apabila seseorang murid didapati menghisap rokok langkah-langkah seperti berikut hendaklah diambil:

(a). Tindakan disiplin yang sewajarnya hendaklah diambil.

(b) Ibu bapa/penjaga murid itu hendaklah diberitahu supaya kerjasamanya boleh didapati bagi mempengaruhi murid itu berhenti merokok.

(c) Murid itu hendaklah dirujuk kepada guru panduan untuk perundingan (counselling) dan nasihat. Guru panduan dikehendaki menyimpan rekod-rekod sulit mengenai kejadian seperti ini dan rekod itu mungkin akan digunakan oleh Kementerian Pelajaran / Jabatan Pelajaran Negeri untuk tujuan statistik dan penyelidikan.

3. Adalah diharap bahawa tuan akan memberitahu semua Guru-Guru Besar sekolah mengenai kandungan surat pekeling ini dengan segera.

4. **Nota:** Dengan ini Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1975 adalah dibatalkan. Perbezaan di antara Bil. 6/1975 dan Bil. 6A/1975 adalah dalam cerai 2(i).

Saya yang menurut perintah,

tandatangan

(KUM BOO)

Bahagian Sekolah-sekolah,

b.p. Ketua Setiausaha,

Kementerian Pelajaran.

s.k.

Setiausaha Sulit kepada Y.B. Menteri Pelajaran.

Setiausaha Sulit kepada Timbalan Y.B. Menteri.

Ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua Pengarah Pelajaran

Timbalan Ketua Setiausaha.

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran.

Semua Ketua-ketua Bahagian, Kementerian Pelajaran.

S.U. (Politik) kepada Y.B. Menteri.

Pegawai Khas I, II, & III kepada Y.B. Menteri.

KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
KP/(BS)8591/Jld. VIII/(75)

22 Mei 1997

Semua Pengarah Pendidikan Negeri
Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan.

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL 4/1997:

Hukuman Ke Atas Murid Menghisap Rokok

Surat Pekeliling Ikhtisas ini hendaklah dibaca bersama dengan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6a/1975: Disiplin Murid-Murid Menghisap Rokok. perkara 2 (iv) (a).

1. Dengan Surat Pekeliling Ikhtisas ini, semua Pengetua dan Guru Besar hendaklah mengambil tindakan ke atas murid yang didapati bersalah menghisap rokok dengan mengenakan hukuman seperti berikut:

Kesalahan Kali Pertama : Rotan 1 kali

Kesalahan Kali Kedua : Rotan 2 kali

Kesalahan Kali Ketiga : Rotan 3 kali

Kesalahan Kali Keempat : Gantung Persekolahan

(selama tempoh tidak melebihi 14 hari)

Kesalahan Kali Kelima : Buang Sekolah

2. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua sekolah dinegeri Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan. .

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

(DATUK MATNOR DAIM)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

s.k

- iv. Y.B. Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak Menteri Pendidikan Malaysia
- v. Y.B Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus Timbalan Menlen Pendidikan Malaysia
- vi. Y.B. Datuk Dr. Fong Chao Onn Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
- vii. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
- viii. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian
- ix. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
- x. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian
- xi. Ketua Perhubungan Awam

KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
KP/(BS)8591 /Jld. VIII/(76)

22 Mei 1997

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 5/1997:

Sekolah Sebagai Kawasan Larangan Merokok

Dimaklumkan bahawa suatu ketetapan telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan untuk menjadikan bangunan dan kawasan sekolah sebagai KAWASAN LARANGAN MEROKOK mengikut peruntukan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau, 1993.

2. Berkuatkuasa pada tarikh Surat Pekeliling Ikhtisas ini dikeluarkan, semua guru, kakitangan, ibu bapa atau mana-mana individu yang berurusan dengan sekolah adalah dilarang dari menghisap rokok di kawasan sekolah.

3. Larangan ini meliputi keseluruhan premis sekolah, sama ada di kawasan terbuka, mahupun di dalam bilik atau di tempat-tempat yang terselindung dari pandangan murid. Perkara 4.1 dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1983:

Garis Panduan Kempen Anti Merokok Di Sekolah-Sekolah adalah terbatal.

Sekian, terima kasih.

"" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA""

(DATUK MATNOR DAIM)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

s.k:


- xii. Y.B. Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak Menteri Pendidikan Malaysia
- xiii. Y.B Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
- xiv. Y.B. Datuk Dr. Chan Fong Onn Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
- xv. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
- xvi. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian
- xvii. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
- xviii. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian
- xix. Ketua Unit Perhubungan Awam

XX.


Lampiran

Contoh Pakaian Murid Perempuan

Memakai Penafor dan Blaus



Berbaju Kurung, Berkain Sarung serta Bertelekung Mini



Berbaju Kurung dan Berkain Sarung




Contoh Pakaian Murid Lelaki

Berseluar Panjang dan Berkemeja Lengan Pendek








Berbaju Melayu



Contoh Pakaian Murid Yang Dilarang



Contoh Rambut Murid Perempuan



Contoh Rambut Murid Lelaki



